



**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT UNIVERSITI MALAYA
(14 OKTOBER SEHINGGA 27 OKTOBER 2020)**

Kenyataan sidang media pada 12 Oktober 2020 oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan dan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara berhubung pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya yang berkuat kuasa 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020 adalah dirujuk. Selaras dengan itu, kampus utama Universiti Malaya (UM) adalah ditutup kecuali Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Berikut adalah langkah-langkah diambil dalam melaksanakan PKPB tersebut:

(1) Urusan berkaitan Pelajar

- (a) Kesemua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya.
- (b) Semua aktiviti pelajar dibatalkan serta-merta.
- (c) Pelajar perlu mengisi Borang Keluar Masuk Kolej Kediaman sekiranya terdapat urusan di luar kampus.
- (d) Bilik Gerakan Khas COVID-19 Bahagian Hal Ehwal Pelajar beroperasi 24 jam di talian 03-7967 3216.

(2) Urusan berkaitan Penyelidikan

- (a) Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Penyelidik Utama hendaklah menjadualkan penggiliran penyelidik bagi aktiviti penyelidikan kritikal yang memerlukan pemantauan berterusan.
- (b) Semua aktiviti penyelidikan di lapangan ditangguhkan.

(3) Urusan Perkhidmatan dan Operasi Pejabat

- (a) Staf akademik dan pentadbiran diminta untuk bekerja dari rumah atau *work from home* (WFH) kecuali mereka yang terlibat dalam perkhidmatan perlu Universiti (mengikut sistem penggiliran) tertakluk kepada kelulusan Ketua PTj.
- (b) Pelaksanaan mesyuarat hendaklah secara dalam talian atau medium elektronik yang bersesuaian.

(4) Kawalan Laluan Keluar Masuk Kampus dan Perkhidmatan Lain

- (a) Hanya pintu utama Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dibuka sepanjang tempoh ini.
- (b) Pengangkutan awam seperti bas awam, teksi dan perkhidmatan *e-hailing* dibenarkan masuk ke kampus.
- (c) Kafeteria, kedai runcit dan kedai dobi dalam kampus beroperasi seperti biasa.
- (d) Semua fasiliti utama kampus seperti perpustakaan, *outdoor gym*, kolam renang dan lain-lain ditutup sepanjang tempoh ini.
- (e) Talian *hotline* 03-7967 3238 bagi pertanyaan berkenaan PKPB UM akan beroperasi dari jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang pada hari bekerja.

Demi keselamatan dan kesejahteraan semua pihak, warga Universiti dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan.

Sebarang pengumuman dan perkembangan terkini akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui e-mel dan media sosial rasmi Universiti.

Sama-sama kita berdoa agar penularan COVID-19 ini akan segera berakhir supaya kita dapat kembali menjalankan kehidupan kampus seperti sediakala.

Terima kasih.

**Pejabat Komunikasi Korporat
Universiti Malaya**

Dikeluarkan pada 12 Oktober 2020.

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat
Aras L, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: +603-7967 3238 | Faks: +603-7956 0027 | E-mel: corporate@um.edu.my



**UNIVERSITI MALAYA CONDITIONAL MOVEMENT CONTROL ORDER
(14 OCTOBER UNTIL 27 OCTOBER 2020)**

The statement by YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Senior Minister of Defence in the press conference on 12 October 2020 and the decision of the National Security Council Special Meeting regarding the implementation of the Conditional Movement Control Order (CMCO) in Selangor, WP Kuala Lumpur and Putrajaya effective 14 October until 27 October 2020 are referred. In line with the above, the Universiti Malaya (UM) main campus shall be closed with the exception of the Universiti Malaya Medical Centre (UMMC).

The following are measures implemented in keeping with the CMCO:

(1) Matters related to Students

- (a) All teaching and learning (T&L) activities shall be conducted fully online.
- (b) All student activities are immediately rescinded.
- (c) Students must complete the Residential College Entry and Exit Form should there be a need to leave the campus grounds.
- (d) The COVID-19 Special Operations Room at Student Affairs Division will operate 24 hours a day and is contactable at 03-7967 3216.

(2) Matters related to Research Activities

- (a) Heads of PTjs and Principal Investigators shall arrange a work rotation schedule for researchers involved in critical research activities that require continuous monitoring.
- (b) All field work shall be postponed during this period.

(3) Matters related to Office Operations and Services

- (a) Academic and administrative staff members shall work from home (WFH) with the exception of those who are involved in the University essential services (on rotation basis) subject to the discretion of their Heads of PTjs.
- (b) Meetings shall be conducted via online or by using the appropriate electronic medium.

(4) Restrictions on Campus Entry and other Services

- (a) Only Kuala Lumpur and Petaling Jaya gates will be open throughout the said period.
- (b) Public transportation i.e. public buses, taxis, e-hailing services are permitted to enter the campus.
- (c) Cafeterias, sundry shops and laundry shops in the campus are operating as usual.
- (d) All campus facilities i.e. library, outdoor gym, swimming pool etc. are closed during the said period.
- (e) For inquiries on UM CMCO, the hotline (03-7967 3238) is available from 9.00am to 5.00pm on working days.

In the interest of your safety and wellbeing, please continue to comply with the relevant health and safety standard operating procedures.

Announcements and further updates shall be made from time to time through the University official email and social media platforms.

Let us hope that the COVID-19 pandemic will come to an end soon, so that our campus life may resume its normal course.

Thank you.

**Corporate Communications Office
Universiti Malaya**

Issued on 12 October 2020.

Issued by:
Corporate Communications Office
Level L, Chancellery
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: +603-7967 3238 | Fax: +603-7956 0027 | Email: corporate@um.edu.my